

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**  
**KAWASAN : KOTA KINABALU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini dan peruntukan yang telah digunakan dalam pembinaan dan naik taraf lebuhraya Pan-Borneo, lebuhraya Persisiran Tuaran-Kudat, Jalan Persisiran (Kg Ice Box-Bt 4 Jalan Apas), Jalan Kalabakan-Sapulut, Jalan Penampang-Papar dan KM27 Jalan Apas (Tawau-Semporna) dan lain-lain projek pembaikan atau naik taraf jalan di Sabah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah melalui kaedah rakan pelaksana projek (PDP) telah dipersetujui secara prinsipnya oleh Kerajaan. Skop projek ini melibatkan naik taraf Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri sedia ada dan membina jalan baru dengan reka bentuk laluan 2 lorong 2 hala ('dual carriageway').

Pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah akan dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Pelaksanaan projek untuk fasa pertama sepanjang 706km akan dimulakan terlebih dahulu dan dirancang siap pada tahun 2021. Ini termasuklah juga skop Jalan Pesisir Pantai Tuaran – Kudat, dan juga Jalan Papar ke Penampang, Sabah.

Kos keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah secara PDP ini (706km) dianggarkan sebanyak RM12.86 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM5 bilion akan dibiayai menerusi peruntukan pembangunan RMKe-11 Kerajaan. Manakala baki kos projek (RM7.86 bilion) akan dibiayai melalui terbitan bon/sukuk di bawah DanaInfra Nasional Berhad. Untuk tahun 2016, sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan RMKe-11 untuk Lebuhraya Pan

Borneo Sabah. Peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan bayaran kemajuan pakej-pakej yang akan berjalan, iaitu 2 projek 'kick-off' fasa pertama - Dongongon ke Papar (11km) dan Tawau ke Semporna (5km).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga dalam RMKe-11 ini telah meluluskan 7 projek lain di Sabah – iaitu di luar daripada skop projek PDP Lebuhraya Pan Borneo Sabah – seperti berikut:

1. Menaik Taraf Jalan Lintas Kota Kinabalu, Fasa 2 – Persimpangan Jalan 'Penampang By-Pass', Persimpangan Jalan Lido, dan Persimpangan Lintas Plaza. Kos Projek RM300 juta;
2. Membina Jalan 'Libaran By-Pass' (RM370 juta);
3. Menaik Taraf Jalan Tawau – Semporna (Dari Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Fasa 1). Kos Projek RM170 juta;
4. Membaiki Cerun di Jalan Kota Kinabalu – Keningau – Tenom; dan Jalan Kota Kinabalu – Kudat. (RM85.5 juta);
5. Membaiki Cerun Di Jalan Merotai – Kalabakan. (RM25 juta);
6. Membina 2 Jambatan Compact Bailey di Melisau Nature Park, Kundasang (RM15 juta); dan
7. Projek Persimpangan Bertingkat dan Lorong Ketiga di Bandaraya Kota Kinabalu (Reka Bentuk dan Kerja-Kerja Awalan sahaja). Kos Projek RM10 juta.

Sekian, terima kasih.